

Bahagian A

Jawab semua soalan.

- 1) a. Berikan **empat** elemen persekitaran tugas yang mempengaruhi operasi dan prestasi perniagaan. [2]
 - b. Terangkan **tiga** sebab mengapa syarikat menjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa. [3]
 - c. Galurkan proses pengorganisasian. [3]
 - d. Berikan **tiga** perbezaan antara perancangan strategik dengan perancangan taktikal. [3]
 - e. Terangkan **tiga** gaya kepimpinan yang boleh dipraktikkan dalam sesebuah organisasi. [3]
 - f. Jelaskan **empat** tujuan penyelidikan pemasaran. [2]
 - g. Nyatakan **empat** jenis ujian untuk memilih pekerja. [2]
 - h. Nyatakan **empat** peranan pengurus kewangan. [2]
 - i. Nyatakan **empat** kesan ketegangan kerja yang dialami oleh pekerja kepada organisasi. [2]
 - j. Jelaskan **dua** kemahiran asas seseorang pengurus. [3]
-
- 2) a. Jelaskan maksud pemetakan pasaran. Huraikan **lima** asas-asas pemetakan pasaran. [13]
 - b. Perihalkan **empat** elemen campuran promosi. [6]
 - c. Terangkan **empat** kaedah penetapan belanjawan promosi. [6]

Bahagian B

Jawab **dua** soalan sahaja.

3) a. Berikan definisi untung dalam konteks perniagaan. Terangkan **lima** sebab peniaga berhak menikmati untung. [12]

b. Jelaskan **lima** aktiviti perniagaan jenis pengeluaran beserta contoh yang sesuai. [13]

4) Pn Aniza baru dilantik memegang jawatan sebagai Pengurus Besar di syarikat Sinar Holding Bhd., iaitu sebuah syarikat pengeluar dan memproses makanan ternakan. Sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar, beliau telah memegang beberapa jawatan iaitu sebagai pengurus pemasaran dan penyelia pengeluaran. Beliau mendapati tugas dan tanggungjawab sebagai Pengurus amat mencabar terutama dalam penyelesaian masalah dan hubungan dengan pekerja. Di samping itu, beliau juga mendapati bahawa wujud perbezaan yang ketara didalam membuat perancangan aktiviti perniagaan bagi syarikat berkenaan berbanding sebelum ini .

a. Bagaimanakah Pn. Aniza menjalankan peranannya sebagai pendorong dan penyelesaian masalah dalam syarikat berkenaan. [10]

b. Terangkan perbezaan perancangan dalam setiap peringkat yang dilakukan oleh Pn.Aniza. [15]

5) a. Azri dan Hidayah telah bersetuju untuk memulakan sebuah perniagaan secara usahasama. Berasaskan perbincangan awal, mereka bersetuju membuka sebuah kilang air mineral. Untuk merealisasikan secara berkesan, mereka haruslah merancang dengan baik. Nyatakan langkah langkah perancangan berkesan yang harus dibuat oleh mereka. [12]

b. Jelaskan kepentingan perancangan supaya pengurus dapat mencapai kejayaan dalam menjalankan tugasnya. [9]

c. Nyatakan **empat** ciri matlamat yang baik di dalam penentuan matlamat semasa proses perancangan yang dilakukan oleh pengurus organisasi. [4]

- 6) a. Berikan maksud analisis kerja dan huraikan **dua** komponen utamanya. [8]
- b. Huraikan **lima** tujuan penilaian prestasi pekerja dalam sesebuah organisasi. [10]
- c. Terangkan **empat** ciri-ciri penilaian prestasi pekerja yang berkesan. [7]
- 7) a. Jelaskan kepentingan kemahiran teknikal kepada pengurus bawahan. [5]
- b. Nyatakan perbezaan antara kemahiran konsep dengan kemahiran teknik. [8]
- c. Encik Safarin bercadang untuk membuka sebuah kedai gunting rambut di pinggir bandar Jerantut. Jelaskan proses membuat keputusan yang perlu diikuti oleh Encik Safarin bagi menghasilkan keputusan yang rasional. [12]
- 8)a. Huraikan **dua** alat membuat keputusan berikut yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan untuk menyelesaikan masalah.
- i. Analisa Tulang Ikan/sebab akibat
- ii. Pokok Keputusan [10]
- b. i. Jelaskan **empat** tanda-tanda pada diri seseorang pekerja yang mengalami ketegangan.
- ii. Jelaskan punca ketegangan yang berkaitan dengan faktor pekerjaan [10]
- c. *“Memulakan sesuatu dengan mengingati matlamat”* adalah salah satu tabii orang berjaya mengikut Stephen R.Covey. Jelaskan. [5]



PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2012
SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA

TINGKATAN ENAM

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 2

3 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan kepada calon:

Jawab **empat** soalan sahaja: **semua** dalam Bahagian A dan **dua** soalan dalam Bahagian B

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung []

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A

Jawab **semua** soalan

- 1
- (a) Berikan maksud “kontrak “ di bawah Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950. [2]
 - (b) Huraikan dengan ringkas **tiga** hak-hak pekerja selain gaji dan upah mengikut Akta Pekerjaan 1955. [3]
 - (c) Jelaskan dengan ringkas **tiga** agensi kerajaan yang memberikan bantuan kewangan kepada usahawan. [3]
 - (d) Nyatakan **tiga** aktiviti utama yang boleh dilakukan oleh Kelab Pencinta Alam Kuantan. [3]
 - (e) Nyatakan **tiga** jenis lokalisasi dalam perniagaan antarabangsa. [3]
 - (f) Jelaskan **dua** cabaran yang dihadapi sesebuah syarikat multinasional. [2]
 - (g) Huraikan **dua** faedah yang diperoleh syarikat swasta jika melaksanakan tanggungjawab sosial. [2]
 - (h) Senaraikan **dua** peranan persatuan pengguna. [2]
 - (i) Jelaskan **dua** kebaikan komunikasi dua hala. [2]
 - (j) Perihalkan **tiga** jenis media persendirian yang biasa digunakan dalam proses komunikasi. [3]
- 2
- (a) Encik Hassan ingin membuka sebuah perniagaan berasaskan makanan laut. Beliau ingin memilih sama ada ingin memulakan sendiri atau mengambil alih. Beliau meminta cadangan anda untuk memilih strategi perniagaan yang mana lebih sesuai. Bincangkan empat kebaikan dan empat kelemahan setiap strategi perniagaan tersebut. [16]
 - (b) Jelaskan tiga pihak luar yang menggunakan rancangan perniagaan seorang usahawan. [9]

BAHAGIAN B

Jawab **dua** soalan sahaja.

3. (a) Terangkan **lima** perbezaan antara syarikat awam dengan syarikat persendirian mengikut Akta Syarikat, 1965. [10]
- (b) Terangkan **tiga** keadaan seseorang pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh mengeluarkan semua carumannya dan **tiga** keadaan pencarum hanya boleh mengeluarkan sebahagian caruman mereka. [6]
- (c) Terangkan maksud *audit* dan huraikan **empat** prinsip audit. [9]
4. (a) Huraikan lima sumber idea yang membolehkan usahawan mengenalpasti peluang-peluang perniagaan. [10]
- (b) Huraikan proses merealisasikan idea bagi perniagaan produk kesihatan berasaskan gamat. [15]
5. (a) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ialah pertubuhan bukan bermotifkan untung yang wujud di semua sekolah di Malaysia. Huraikan aktiviti PIBG dari aspek perundangan, sumber kewangan, objektif, keahlian, pengurusan dan pengurusan pemasaran. [12]
- (b) Anda tinggal di Pangsapuri Aman Makmur. Baru – baru ini, anda dan sebahagian besar penghuni di pangsapuri ini bercadang untuk menubuhkan Persatuan Penghuni-Penghuni Pangsapuri Aman Makmur. Galurkan langkah – langkah penubuhan persatuan tersebut. [8]
- (c) Senaraikan lima prinsip-prinsip koperasi. [5]
6. (a) Jelaskan cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan sesebuah negara untuk menggalakkan firma multinasional beroperasi di negara itu. [10]
- (b) Huraikan bagaimana tindakan perlindungan perdagangan oleh kerajaan boleh:
- (i) melindungi industri yang baru,
- (ii) memberikan persaingan yang adil dan saksama,
- (iii) membalas balik tindakan negara luar. [15]

7. (a) Jelaskan **lima** pihak yang berkepentingan terhadap sesebuah perniagaan. [10]

(b) Encik Razif bekerja sebagai seorang jurutera di Syarikat Pembinaan Suria Sdn. Bhd. Pihak pengurusan syarikat memberikan kebebasan sepenuhnya kepada Encik Razif dalam menjalankan tugasnya. Urusan kerja Encik Razif memberinya peluang untuk bergaul dengan orang-orang berpengaruh dan kaya. Beliau tertarik dengan gaya hidup mereka maka Encik Razif telah mula menyeleweng dalam menjalankan tugasnya. Dia meluluskan pembelian bahan-bahan binaan daripada syarikat-syarikat yang tidak berdaftar. Sebagai balasan, beliau telah menerima sogokan dalam bentuk wang dan hadiah. Situasi ini berterusan sehinggalah sebuah bangunan yang dibina oleh syarikatnya runtuh.

Berdasarkan kes di atas,

(i) Terangkan **tiga** faktor yang mendorong Encik Razif untuk melakukan jenayah kolar putih. [9]

(ii) Huraikan **tiga** jenis jenayah kolar putih. [6]

8 (a) Syarikat Gemilang Berhad, sebuah syarikat yang beroperasi di Johor Bahru terlibat dalam pengeluaran alat telekomunikasi. Syarikat Gemilang Berhad diterajui oleh Dato' Ahmad Bujang selaku Pengarah Urusan dan dibantu oleh pengurus-pengurus fungsian iaitu Encik Ali sebagai Pengurus Pemasaran, Encik Vijay sebagai Pengurus Pengeluaran, Encik Chuah sebagai Pengurus Kewangan dan Puan Sabariah sebagai Pengurus Sumber Manusia. Pihak pengurusan syarikat akan mengadakan mesyuarat bulanan pada akhir setiap bulan. Semua pengurus jabatan akan membentangkan laporan jabatan masing-masing dalam mesyuarat tersebut.

(i) Huraikan **tiga** jenis saluran yang sesuai digunakan oleh Encik Vijay dalam membentangkan laporan jabatan pengeluaran. [9]

(ii) Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan bentuk-bentuk komunikasi yang berlaku dalam mesyuarat tersebut. [8]

(b) Terangkan **empat** langkah dalam proses mendengar secara berkesan. [8]